

KEDUDUKAN MURTAD MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali¹
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Sedang Malaysia telah diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam, masyarakat telah digemparkan dengan dakwaan isu murtad yang dikatakan semakin berleluasa di Malaysia. Lebih-lebih lagi dengan kenyataan yang dibuat oleh Mufti Perak, Dato' Seri Haji Harussani Zakaria pada Julai 2006 bahawa berdasarkan laporan kajian dari sekumpulan Melayu profesional didapati bahawa seramai 100,000 umat Islam di Malaysia telah bertukar agama. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa isu keluar agama atau murtad telah lama berlaku seperti di dalam kes ayah Pin, Nor Aishah Bokhari, Nyonya Tahir dan Lina Joy. Namun begitu, kita menyaksikan bahawa tidak terdapat peruntukan yang jelas mengenai isu murtad ini sama ada dari segi kedudukan individu keluar agama menurut kaca mata undang-undang dan juga prosedur berkaitannya. Menurut pemerhatian, peruntukan undang-undang sedia termasuk prosedurnya adalah tidak seragam di antara negeri-negeri di Malaysia. Oleh itu, artikel ini akan cuba mengupas dan membincangkan isu murtad di Malaysia dengan memfokuskan perbincangan menerusi perspektif undang-undang.

1.0 PENDAHULUAN

Mutakhir ini, gejala kerosakan akidah semakin menular di negara kita sama ada ianya berkaitan ajaran sesat ataupun membabitkan pertukaran agama. Perkara ini telah mendapat perhatian serius oleh pelbagai pihak apabila kenyataan Mufti Perak mengenai kes murtad yang berlaku di kalangan orang Melayu. Ini termasuk berita pengkristianan orang Melayu di Ipoh yang disebarakan melalui SMS.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa isu murtad ini bukanlah perkara baru, malahan sebelum ini telah ada kes murtad berlaku di negara kita walaupun ianya amat terpencil seperti isu Kamariah Ali². Namun demikian, jika penelitian dibuat, walaupun bilangan kes murtad ini agak kecil tetapi pada hakikatnya ianya merupakan barah akidah yang mula menular di kalangan orang Islam di Malaysia walhal ianya tidak sepatutnya berlaku. Di dalam artikel ini, penulis akan membincangkan isu murtad ini menurut perspektif syarak secara ringkas dan akan memfokuskan pandangan dari perspektif undang-undang. Perbincangan akan menekankan peruntukan undang-undang berkaitan murtad sedia ada di Malaysia.

¹ Artikel asal telah dibentangkan semasa Diskusi Syariah dan Undang-undang yang dianjurkan oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia pada 17 Januari 2007.

² Kamariah bte Ali dan satu lagi lwn Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dan satu lagi [2006] 5 MLJ 470

2.0 HAK KEBEBASAN BERAGAMA DAN KEDUDUKAN MURTAD

Sebagai sebuah agama yang syumul dan suci Islam menjamin hak kebebasan beragama. Islam memberi hak kepada setiap individu untuk memilih agama yang ingin dianuti tanpa ada paksaan malahan Islam menyuruh untuk menghormati amalan agama lain. Perkara ini telah dirakamkan oleh Allah *Subhanahu Wataala* di dalam firmanNya yang bermaksud:-

*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui*³.

Para fuqaha telah lama membincangkan hak kebebasan agama ini dan jika diteliti terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Ada fuqaha berpandangan bahawa hak kebebasan beragama yang dimaksudkan adalah hak untuk menganuti sebarang agama iaitu seseorang itu bebas untuk memilih agama dan jika beliau memilih Islam agamanya maka adalah dilarang keras untuk keluar dari agama Islam. Terdapat juga pandangan yang lain beranggapan bahawa hak kebebasan beragama ini adalah mutlak dan setiap individu diberi kebebasan untuk memilih agamanya.

Di Malaysia, pada asasnya perlembagaan membenarkan setiap orang untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing dan memperuntukkan larangan penyebaran agama selain Islam kepada orang bukan Islam. Perlembagaan juga menjamin sesiapa untuk menguruskan hal ehwal agama mereka termasuk menubuhkan institusi untuk tujuan-tujuan keagamaan ataupun pemilikan harta⁴. Ini menunjukkan secara umumnya perlembagaan Malaysia meletakkan hak kebebasan beragama. Namun demikian, hak ini ditafsirkan sesetengah pihak sebagai mutlak dan sesiapa sahaja berhak menukar agamanya pada bila-bila masa. Pentafsiran ini adalah tidak tepat kerana setiap individu yang telah menganut sebarang agama adalah terikat dan berkewajipan dengan peraturan agamanya. Hak beragama ini bukanlah bersifat mutlak bahkan ianya adalah berdasarkan prinsip agama masing-masing.

2.1 Murtad Dari Perspektif Islam

³ Surah Al-Baqarah: 256. Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. (1998). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran* (Terjemahan). Dar-al-Fikr: Kuala Lumpur. hlm. 82.

⁴ Artikel 2 Perlembagaan Persekutuan

Murtad berasal dari perkataan 'riddah' yang bermaksud kembali⁵. Menurut istilah bahasa, 'murtad' bermaksud kembali dari sesuatu kepada sesuatu. Manakala dari segi istilahnya ia merujuk kepada kembali dari agama Islam kepada agama lain sama ada dengan niat, perbuatan atau perkataan. Oleh itu murtad ialah orang yang kembali kepada kekufuran setelah menerima Islam⁶.

Seseorang atau sesuatu kumpulan boleh menjadi murtad dengan mempersekutukan Allah sama ada melalui iktikad, ucapan ataupun perbuatan, mengingkari agama Islam atau satu rukun padanya atau mengingkari satu hukum Islam yang dapat diketahui secara jelas dan sah dan orang yang mengiktikadkan bahawa tidak wajib berhukum dengan hukum yang diturunkan Allah. Dalam jenayah murtad, terdapat dua unsur penting iaitu tindakan keluar daripada agama Islam⁷ seperti perbuatan yang boleh membawa syirik ialah sujud kepada selain dari Allah⁸ dan mempunyai niat melakukannya dengan sengaja.

Pada dasarnya, terdapat beberapa pandangan mengenai hukuman murtad dalam Islam dan ianya boleh dirumuskan kepada dua golongan:-

(a) **Hukuman Murtad adalah Hudud.**

Golongan ini dipelopori oleh ulama tradisional seperti *Madhhab Shafii, Maliki* dan Hanbali di mana mereka berpendapat bahawa murtad tergolong dalam dosa-dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah melainkan bertaubat. Firman Allah *Subhanahu Wataala* di dalam surah *al-Baqarah* ayat 217 "*....Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (Islam), lalu dia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya)*"⁹.

Ini ditambah lagi dengan hadis Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* yang bermaksud: "*Barangsiapa yang menukar agamanya, bunuhlah dia*"¹⁰. Di dalam hadis yang lain baginda bersabda yang bermaksud: "*Tidak halal darah seseorang muslim itu kecuali dengan salah satu dari tiga perkara: Orang yang telah berkahwin melakukan zina, nyawa dibalas dengan*

⁵ Bustani. (1987). *Muhit al-Muhit*. Maktabat Lubnan: Beirut. hlm. 330

⁶ Ali Abdul Hamid Bultaji. (1991). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Imam Ahmad*. Beirut. hlm. 446. Rujuk Sayid Sabiq. (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Dar al-Fikr: Beirut. hlm. 300.

⁷ Ibid. Menolak al-Quran dan wahyu juga menjadikan seseorang itu terkeluar dari agama Islam selain menafikan perkara-perkara syariat yang tetap dalam nas-nas *qat'i*, sama ada perkara akidah, syariah atau akhlak. Lihat juga Sayid Sabiq. (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Dar al-Fikr: Beirut. Hlm. 300-305.

⁸ Sayid Sabiq. (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Dar al-Fikr: Beirut. Hlm. 300-305.

⁹ Surah *al-Baqarah* : 217. Supra nota 3. hlm. 67.

¹⁰ Riwayat Jamaah kecuali Muslim

nyawa (membunuh dengan sengaja) dan meninggalkan agama yang berpisah dengan jamaah muslimin¹¹."

Namun demikian, hukuman murtad hanya akan dilaksanakan sekiranya telah tamat tempoh untuk bertaubat yang diberikan seperti memberikan tempoh selama 3 hari untuk bertaubat. Namun demikian, terdapat beberapa pandangan mengenai tempoh masa untuk bertaubat yang diberikan.

(b) Tiada Ketetapan Bentuk Hukuman Murtad.

Pendapat ini dipelopori oleh ulama kontemporari seperti Abd al-Mutaali al-Saidi, Ibrahim al-Nakhai, Muhammad Abduh, Mohamad Hashim Kamali dan lain-lain lagi¹². Pada dasarnya hukuman murtad bukanlah hudud tetapi hanya takzir. Golongan ini berpendapat umpamanya pandangan Abd al-Mutaali al-Saidi iaitu manusia diberikan kebebasan beragama mengikut pilihannya. Faktor yang menyebabkan Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* menyatakan hukuman bunuh pada kesalahan murtad bukanlah kerana kemurtadan mereka tetapi berfaktorkan pemberontakan menentang Islam. Terdapat juga kritikan ulama terhadap kesahihan dan darjat hadis "sesiapa yang menukar agamanya hendaklah dibunuh" Hadis ini adalah *hadis ahad* dan tidak kuat untuk dijadikan hujah kepada sesuatu hukum menurut ilmu usul fiqh¹³.

Secara ringkasnya, kebanyakan ulama terdahulu berpegang teguh bahawa murtad dikenakan hukuman hudud manakala ada ulama kontemporari mengatakan tiada ketetapan mengenai hukuman murtad atau dalam erti kata lain ianya adalah takzir. Namun begitu, isu penentuan hukuman murtad bukanlah menjadi perkara utama yang hendak dibincangkan di dalam artikel ini. Perbincangan akan lebih menekankan tentang perpektif undang-undang yang digunapakai di Malaysia.

3.0 UNDANG-UNDANG BERKAITAN MURTAD.

3.1 Kesalahan Murtad atau Kesalahan Keluar Agama Islam.

Dalam membincangkan undang-undang berkaitan murtad, terdapat persoalan besar yang perlu diselesaikan iaitu adakah terdapat peruntukan kesalahan murtad di bawah mana-mana

¹¹ Riwayat Bukhari dan Muslim

¹² Mohamed Azam Mohamed Adil. (2005). *Kebebasan Beragama dan Hukuman ke atas orang Murtad di Malaysia*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. Hlm 172-173.

¹³ Mohamad Hashim Kamali. (1997). *Freedom of Expression in Islam*. Cambridge: Islamic Text Society. hlm 93.

enakmen atau akta di Malaysia. Jika diteliti, sememangnya tidak terdapat undang-undang yang jelas mengenai murtad termasuk hukumannya. Ini berikutan undang-undang jenayah Islam yang boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia hanyalah merangkumi hukuman maksima 3 tahun penjara atau 6 sebatan atau RM5000 denda atau kombinasi mana-mana hukuman¹⁴. Jelasnya, bidang kuasa jenayahnya adalah terhad dan hanya boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam sahaja.

Jenayah murtad tidak di sebut di dalam enakmen kesalahan jenayah Syariah di kebanyakan negeri di Malaysia. Namun demikian, terdapat peruntukan kesalahan keluar agama Islam diguna pakai di beberapa buah negeri. Tidak terdapat penggunaan istilah kesalahan murtad yang diperuntukkan oleh mana-mana enakmen jenayah syariah negeri-negeri melainkan undang-undang hudud, qisas dan takzir yang cuba dilaksanakan di Kelantan dan Terengganu satu ketika dulu.

Pada pandangan penulis, di antara beberapa faktor yang menyebabkan penggunaan istilah keluar agama Islam dan bukan murtad adalah kerana hukuman murtad yang merupakan hukuman mati sekiranya disabitkan adalah melampaui bidangkuasa mahkamah syariah. Sebagai contoh, Melaka telah memperuntukkan kesalahan keluar dari agama Islam sebagai satu kesalahan dan bukan murtad¹⁵. Seksyen 66(1) Enakmen Kesalahan (Syariah) (Negeri Melaka) 1991 menyatakan bahawa apabila seseorang Islam dengan sengaja mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah boleh memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak. Jika seseorang telah bertaubat, maka taubatnya itu mestilah disahkan di Mahkamah dan kemudian barulah dia boleh dibebaskan. Jika pula seseorang itu bertaubat semasa dalam tahanan, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada mahkamah dan taubatnya juga perlu disahkan oleh Mahkamah. Seksyen 6 (1) pula memperuntukkan seseorang yang bersyubahat dibawah seksyen 66 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Terdapat enakmen yang memperuntukkan undang-undang dan hukuman murtad secara khusus iaitu Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II , Kelantan 1993 dan

¹⁴ Akta Bidang kuasa Mahkamah Syariah (Jenayah) Pindaan 1984.

¹⁵ Di Perlis, satu Rang Undang-undang Perlindungan Aqidah Islam (Perlis) 2000 mengenakan hukuman rehabilitasi selama tidak lebih satu tahun sekiranya didapati cuba menukar agama Islam.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Terengganu 2002 yang akhirnya tidak dapat dilaksanakan kerana faktor-faktor tertentu. Kedua-dua enakmen ini ada menyebut sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan *irtidad*, hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati bersalah dan sekiranya dia enggan bertaubat, maka mahkamah boleh memenjarakannya selama lima tahun dan jika tidak bertaubat juga boleh mengisytiharkan hukuman bunuh ke atasnya.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat peruntukan khusus mengenai kesalahan murtad yang dikuatkuasakan di Malaysia. Undang-undang sedia ada yang telah dilaksanakan bukanlah melibatkan kesalahan murtad tetapi merujuk kepada kesalahan keluar agama Islam. Penggunaan istilah permohonan murtad juga tidak digunakan di dalam mana-mana enakmen negeri-negeri. Kebanyakannya menggunakan istilah permohonan pengisytiharan status agama.

3.2 Bidang Kuasa Mahkamah

Oleh kerana kesalahan keluar agama Islam membabitkan hukuman dibawah bidang kuasa mahkamah syariah maka kuasa mahkamah di dalam mengadili perkara ini telah disebut dengan jelas di dalam kebanyakan enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri di Malaysia.

Di Selangor misalnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan di dalam Seksyen 61(3)(b)(x) yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di bawah bidangkuasa malnya untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu, antara lain berhubung dengan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam.¹⁶ Kes-kes yang diputuskan di mahkamah juga telah menekankan bahawa Mahkamah Tinggi Syariahlah yang mempunyai bidangkuasa mendengar kes-kes keluar agama Islam sungguhpun di kebanyakan negeri tidak terdapat peruntukan yang jelas menyatakan demikian¹⁷. Oleh kerana mahkamah syariah mempunyai bidangkuasa untuk menentukan kesahan seseorang itu masuk

¹⁶ Peruntukan yang serupa boleh juga didapati didalam Seksyen 61(3)(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Seksyen 49(3)(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

¹⁷ *Dalip Kaur v Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam dan Majlis Agama Islam Kedah*[1992]1 MLJ 1

Islam, maka mahkamah syariah jugalah yang mempunyai bidangkuasa untuk menentukan seseorang itu masih lagi muslim atau sudah meninggalkan agama Islam sebagai agamanya¹⁸.

3.3 Prosedur Memeluk Islam Dan Permohonan Pengisytiharan Status Agama

3.3.1 Prosedur Memeluk Islam¹⁹.

Jika seseorang yang bukan muslim itu berminat dengan Islam, beliau boleh mendapatkan bimbingan daripada beberapa institusi seperti PERKIM ataupun Jabatan Agama Islam negeri-negeri bahagian saudara baru. Di sini mereka akan diberi kursus atau bimbingan mengenai ajaran Islam secara formal dan sistematik.

Apabila seseorang itu ingin memeluk Islam beliau perlu mendaftarkan keIslamannya di bahagian pendaftar saudara baru jabatan agama Islam negeri-negeri. Kebiasaannya akan diadakan satu majlis pengIslaman sebelum pihak berkuasa boleh memberikan sijil saudara baru.

Di dalam majlis ini, pemohon akan memperkenalkan dirinya dan sesi penerangan akan diberikan oleh pegawai agama. Di antara penerangan yang diberikan ialah prinsip sesungguhnya Islam tidak pernah memaksa sesiapa untuk menganut agama ini dan Islam bukanlah agama yang mendorong ke arah keganasan. Kemudian sesi soal jawab akan dibuka bagi membolehkan pemohon bertanya tentang apa sahaja permasalahannya sebelum beliau disahkan memeluk Islam. Selepas itu barulah pegawai agama akan mengajar pemohon mengucap dua kalimah syahadah dengan lafaz di dalam bahasa arab dan juga bahasa melayu. Sesi ini akan disaksikan sekurang-kurangnya oleh dua orang saksi. Apabila selesai sesi mengucap dua kalimah shahadah, pegawai agama akan membacakan doa kesejahteraan di atas keIslaman pemohon. Saudara baru kebiasaannya akan dihadihkan sejadah, telekung dan lain-lain termasuk surat akuan Islam sementara. Mereka akan diberikan surat akuan Islam selama sebulan dan jika perkembangan mengenai kefahaman dan amalan Islamnya baik barulah mereka akan diberikan dengan Kad Saudara Baru yang kekal. Di JAIS dan JAWI pemohon akan diberikan kursus selama 5 hari secara intensif sebelum mereka boleh diberikan dengan Kad Saudara Baru.

¹⁸ *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors* (2005) 6 MLJ 193

¹⁹ Temubual dengan Ustaz Amran Abdullah, Pendakwah PERKIM pada 16 November 2006.

Pemohon kemudian akan diberikan jadual kelas bimbingan mengenai amalan ajaran Islam seperti solat, puasa dan sebagainya. Kelas ini diadakan di beberapa tempat yang khusus untuk saudara baru dan mengambil masa selama hampir 3 bulan. Kadangkala pegawai agama akan mengunjungi rumah saudara baru bagi melihat perkembangan kefahaman tentang ajaran Islam. Tiap-tiap tahun di PERKIM, satu majlis anugerah saudara baru cemerlang akan diadakan dan 10 pelajar terbaik akan diberikan saguhati.

Prosedur di atas adalah proses bagaimana seseorang itu mendaftarkan dirinya sebagai seorang Islam. Terdapat beberapa proses yang mesti dilalui oleh seseorang itu, sebelum dia boleh mendapatkan kad saudara baru atau diisytiharkan dirinya sebagai muslim. Kursus dan bimbingan juga telah dilaksanakan kepada saudara baru secara percuma dan bukanlah sesuatu perkara yang diwajibkan. Kefahaman dan penghayatan terhadap Islam bergantung kepada individu itu sendiri. Jika seseorang itu komited dengan kelas bimbingan yang diberikan, kebanyakan saudara baru akan terus menghayati Islam dan menjadi seorang muslim yang baik.

3.3.2 Prosedur Permohonan Pengisytiharan Status Agama

Menurut pemerhatian penulis, terdapat salah faham sesetengah pihak mengenai prosedur permohonan keluar agama Islam. Ada yang menganggap bahawa Mahkamah Syariah lah yang telah mengesahkan bahawa seseorang itu murtad. Harus diingatkan bahawa Mahkamah Syariah tidak pernah mengisytiharkan seseorang itu murtad tetapi membuat pengisytiharan status agama seseorang itu.

Penggunaan istilah permohonan murtad juga tidak digunakan di dalam mana-mana enakmen negeri-negeri malahan terdapat dengan jelas menyatakan permohonan merujuk kepada pengisytiharan status agama Islam. Sebagai contoh kes Nyonya Tahir²⁰. Di dalam kes ini Mahkamah tinggi syariah Negeri Sembilan telah mengisytiharkan bahawa beliau bukanlah seorang muslim kerana tidak pernah mengamalkan ajaran Islam dan beberapa alasan lain. Di sini Mahkamah syariah tentunya tidak mengisytiharkan bahawa plaintif telah murtad kerana sememangnya beliau tidak pernah bergelar muslim.

Prosedur permohonan keluar agama oleh seseorang Islam mestilah mengikut lunas-lunas undang-undang yang telah ditetapkan. Di Malaysia, kebiasaannya permohonan untuk keluar agama akan diikuti dengan permohonan untuk menukar nama dan status agama di dalam kad

²⁰ Tarmizi Abdul Halim. (23 Januari 2006). *Nyonya Tahir bukan Islam: Mahkamah Syariah benarkan si mati disembadi cara Budha*. Utusan Malaysia.

pengenalan. Setiap orang Islam yang berhasrat untuk menukar agama akan membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Syariah negeri-negeri manakala untuk menukar nama dan status agama di dalam kad pengenalan hendaklah berurusan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Bagi kes-kes permohonan pengisytiharan keluar agama yang difailkan di mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia adalah diklasifikasikan sebagai kes mal. Justeru, prosedur permohonan hendaklah mengikuti apa yang digariskan di dalam Enakmen tatacara mal mahkamah Syariah dan enakmen pentadbiran ugama Islam negeri. Jika ditinjau terdapat ketidakseragaman dalam hal ehwal prosedur permohonan tukar agama ini. Ada negeri yang mengklasifikasikan kes-kes tukar agama melalui proses saman seperti Wilayah Persekutuan, manakala ada pula memulakan kes melalui permohonan seperti di Negeri Sembilan dan ada juga negeri yang menggunakan kedua-dua prosedur tersebut seperti negeri Melaka. Walaubagaimanapun, sekiranya perkara mengenai pertukaran agama disebut untuk dimulakan dengan permohonan di dalam Jadual 2²¹ Enakmen Tatacara Mal tersebut atau mana-mana undang-undang bertulis, ianya hendaklah dimulakan dengan permohonan. Lazimnya, kes-kes yang dibawa ke mahkamah syariah adalah di dalam bentuk permohonan dan ada kalanya mahkamah memerintahkan sesetengah kes di buat melalui saman untuk memudahkan prosedur memanggil defendan untuk memberikan keterangan menentang plaintif. Defendan atau responden yang lazimnya terlibat ialah samada Majlis Agama Islam negeri, Jabatan Agama Islam negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara.

Negeri Sembilan memperuntukkan prosedur yang jelas untuk permasalahan pengisytiharan keluar agama²². Ianya adalah satu-satunya negeri yang meletakkan prosedur yang lengkap menangani permohonan murtad di dalam enakmen pentadbiran negeri. Berbeza dengan negeri Melaka, Terengganu dan Kelantan, peruntukan di Negeri Sembilan adalah lebih prosedural dan berbentuk pentadbiran, bukannya sebagai kesalahan jenayah. Peruntukan keluar daripada

²¹ Kebanyakan Tatacara Mal Mahkamah Syariah negeri-negeri adalah sama isi kandungannya. Rujuk Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 sebagai contoh.

²² Di dalam kes *Lim Chan Seng v Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & Anor* [1996] 3 CLJ 231, Abdul Hamid Mohamed J menyatakan bahawa artikel 121 (1A) tidak secara automatik memberikan bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah walaupun perkara itu disebut di dalam senarai kerajaan negeri. Penggubal negeri Pulau Pinang mestilah meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 1993 seperti yang dilakukan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 1991 tentang bidangkuasa untuk mendengar kes murtad. Pendekatan ini adalah sangat sempit berbanding kes-kes lain yang diputuskan seperti *Dalip Kaur v Pegawai Polis Daerah, Balai Polis Daerah, Bukit Mertajam & Anor* [1992] 1 MLJ 1 dan *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah Dato Talib* [1992] 2 MLJ 793. Lihat juga kes *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan v Hun Mun Meng* [1992] 2 MLJ 676.

Islam dinyatakan di dalam seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003:

- (1) Seseorang Islam tidak boleh keluar daripada agama Islam atau disifatkan telah meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya melainkan jika dan sehingga dia telah memperoleh suatu perisytiharan bagi maksud itu daripada Mahkamah Tinggi Syariah.
- (2) Suatu permohonan bagi perisytiharan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara ex-parte kepada hakim Mahkamah Tinggi Syariah dalam mahkamah terbuka oleh orang yang berhasrat untuk meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya.
- (3) Suatu permohonan di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan alasan-alasan yang berdasarkannya pemohon berhasrat untuk meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya dan hendaklah disokong oleh suatu affidavit yang menyatakan semua fakta yang menyokong alasan permohonan itu.
- (4) Setelah diterima permohonan dibawah subseksyen (2), Hakim Mahkamah tinggi Syariah yang mendengar permohonan tersebut hendaklah –
 - (a) menasihati orang itu supaya bertaubat, dan jika Hakim berpuashati orang itu telah bertaubat mengikut Hukum Syarak, hendaklah merekodkan taubat orang itu; atau
 - (b) jika orang itu enggan bertaubat, sebelum membuat apa-apa perintah terhadap orang itu, menangguhkan pendengaran permohonan itu untuk tempoh 90 hari dan pada masa yang sama menghendaki pemohon untuk menjalani sesi runding cara dan bimbingan bagi maksud menasihati pemohon untuk menimbang semula Agama Islam sebagai agamanya.
- (5) Jika pada bila-bila masa orang yang dikehendaki menjalani sesi runding cara dan bimbingan itu telah bertaubat, pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan suatu laporan dengan secepat mungkin dan membawa orang itu ke hadapan Mahkamah Tinggi Syariah.
- (6) Jika Hakim berpuashati bahawa orang yang dikemukakan di hadapannya mengikut subseksyen (5) telah bertaubat mengikut Hukum Syarak, Hakim itu hendaklah merekodkan taubat orang itu.
- (7) Jika setelah habis tempoh 90 hari yang disebut dalam perenggan (4)(b), orang itu masih enggan bertaubat, maka pegawai yang bertanggungjawab

terhadapnya hendaklah menyediakan suatu laporan dengan secepat mungkin dan membawa orang itu ke hadapan Mahkamah Tinggi Syariah.

- (8) Jika setelah diterima laporan yang disebut dalam subseksyen (7), Mahkamah berpendapat bahawa harapan masih ada untuk orang itu bertaubat, maka Mahkamah boleh menangguhkan pendengaran permohonan orang itu dibawah subseksyen (2) dan pada masa yang sama memerintahkan orang itu supaya menjalani sesi runding cara dan bimbingan selanjutnya selama tempoh tempoh yang tidak melebihi satu tahun.
- (9) Jika selepas perintah di bawah subseksyen (8) dibuat, orang itu bertaubat, maka subseksyen (5) dan (6) terpakai.
- (10) Jika setelah habis tempoh yang diperintahkan dibawah subseksyen (8) dan orang itu masih enggan bertaubat, pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan suatu laporan dan membawa orang itu ke hadapan Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah boleh membuat keputusan untuk mengisytiharkan bahawa orang itu meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya.
- (11) Sebelum Mahkamah mengisytiharkan bahawa orang itu telah meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya, Mahkamah hendaklah membuat perintah mengenai perkara yang berikut²³:
 - (a) pembubaran perkahwinan
 - (b) pembahagian harta sepencarian
 - (c) hak perwalian
 - (d) hak pusaka
 - (e) hadhanah

Jelas di dalam peruntukan mengenai pengisytiharan keluar Islam yang ada di Negeri Sembilan, ianya memberikan ruang kepada mahkamah untuk benar-benar memastikan bahawa pemohon sudah tidak mahu bertaubat sebelum memberikan pengisytiharan status agama. Jangkamasa penangguhan yang berada di dalam tangan mahkamah bertujuan memberikan masa kepada pemohon untuk berfikir secara mendalam mengenai perkara tersebut.

Bagi negeri yang mengklasifikasikan permohonan pengisytiharan keluar agama Islam dimulakan melalui saman seperti Wilayah Persekutuan, prosedurnya sedikit berlainan.

²³ Supra nota 8. Ini bersesuaian dengan hukum syarak di mana perkara-perkara disebutkan hendaklah diselesaikan.

Sesuatu saman hendaklah diisikan dalam Borang MS 2 yang menghendaki defendan menjawab suatu tuntutan tukar agama di Mahkamah. Sekiranya defendan gagal hadir pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan tanpa kehadiran defendan. Defendan juga diminta untuk memfailkan di Mahkamah dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan sebelum kehadiran di Mahkamah. Saman tersebut hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan tuntutan²⁴ yang ditandatangani oleh plaintif atau Peguam Syarienya dan hendaklah mengandungi pernyataan yang ringkas dan padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh plaintif, butiran tuntutan yang mencukupi dan di dalam kes ini, pernyataan tentang apa yang dituntut.

Sesuatu permohonan pula hendaklah dibuat melalui notis dalam Borang MS3²⁵ dan disokong dengan affidavit yang diangkat sumpah. Borang MS3 mengarahkan pihak responden untuk hadir ke mahkamah untuk mendapatkan perintah tukar agama pada tarikh dan masa yang tertentu. Pemohon hendaklah melampirkan alasan-alasan yang konkrit yang menyokong hujahnya untuk menukar agama. Affidavit hendaklah mengikut bentuk affidavit seperti di dalam borang MS26²⁶ yang menghendaki pemohon mengisi butiran lengkap peribadi dan alasan-alasan yang hendak dideposkan. Affidavit tersebut hendaklah diangkat sumpah samada di hadapan mana-mana Hakim Syarie atau Pendaftar atau mana-mana pegawai Islam Kedutaan Malaysia atau Konsulat atau Misi Tetap tempat itu sekiranya diluar negara untuk menentukan kesahihannya di mahkamah²⁷. Apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu affidavit seperti salinan kad pengenalan diri sendiri atau ibu bapa, kad memeluk agama Islam, salinan surat beranak, atau sijil pembaptisan hendaklah dilampirkan pada affidavit tersebut sebagai ekshibit²⁸ yang mempunyai perakuan dan diangkat sumpah dalam Borang MS27²⁹.

Sekiranya mana-mana pihak ingin mengambil khidmat Peguam Syarie, mereka boleh dilantik dengan memfailkan satu wakalah dalam Borang MS 5³⁰. Melalui pemerhatian, didapati bahawa ada peguam-peguam melayu Islam yang mewakili pihak yang memohon pengisytiharan keluar agama. Hal ini juga perlu diberikan perhatian kerana peguam melayu Islam tidak sepatutnya dengan sewenang-wenangnya bersetuju untuk mewakili golongan ini.

²⁴ Seksyen 63, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

²⁵ Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

²⁶ Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

²⁷ Seksyen 112 Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

²⁸ Seksyen 114 Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

²⁹ Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

³⁰ Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

Setelah kesemua dokumen tersedia, dan Mahkamah berpuashati dengan penyediaan dokumen tersebut, satu tarikh pendengaran akan diberi. Di dalam Mahkamah, prosedur biasa Mahkamah akan terpakai. Kebiasaannya, perbicaraan akan mengambil masa yang agak lama dan ketika inilah usaha dilakukan untuk memujuk pemohon atau plaintif kembali kepada akidah Islam.

Di dalam kes *Wong Chun Chiak @ Kenny Abdullah lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*, Mahkamah Tinggi Syariah telah mengenyahkan permohonan keluar agama beliau³¹. Ketua Hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Husin Ahmad telah memutuskan bahawa pemohon telah membuat permohonan keluar agama dalam bentuk notis permohonan dan affidavit adalah menyalahi prosedur Mahkamah. Mahkamah menetapkan bahawa pemohon mesti membuat permohonan keluar agama melalui proses saman dan pernyataan tuntutan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah seksyen 7 Akta Tatacara Mal Wilayah Persekutuan. Di dalam kes ini Kenny seorang saudara baru membuat permohonan keluar agama kerana ingin berkahwin dengan orang bukan Islam dan kembali kepada agama asal iaitu Kristian roman katolik.

Prosedur permohonan penukaran nama dan status agama di Jabatan Pendaftaran Negara adalah berbeza dengan tatacara di Mahkamah Syariah. Prosedurnya adalah lebih ringkas dan mudah. Namun begitu kelulusan sesuatu permohonan itu bergantung kepada Perintah Pengisytiharan keluar agama Islam yang dibuat di Mahkamah Syariah. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan mempertimbangkan permohonan penukaran status agama di kad pengenalan setelah mendapat perintah tersebut.

Prosedur di Jabatan Pendaftaran Negara adalah berdasarkan peruntukan Peraturan 14 Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Peraturan 14 mengkehendaki setiap permohonan penukaran status agama orang Islam mestilah mendapatkan perintah daripada Mahkamah Syariah. Ini kerana hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk membuat pengisytiharan keluar agama bersandarkan kepada Jadual Sembilan Senarai II Perlembagaan Persekutuan.

Bagi maksud permohonan penukaran nama kepada nama bukan Islam, pemohon perlu menggunakan borang JPN 5/1 iaitu "Borang Laporan Untuk Penukaran Nama Dalam Kad

³¹ t.n. (31 Ogos 2006). *Mahkamah Ketepi Permohonan Keluar Islam*. Utusan Malaysia. hlm 14.

Pengenalan". Manakala untuk borang JPN KP01 mengkehendaki pemohon untuk menyatakan agamanya. Kemudian borang yang telah diisi hendaklah disertakan dengan Perintah Pengisytiharan Keluar Agama Islam yang telah didapatkan di Mahkamah Syariah. Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai budi bicara untuk menolak sesuatu permohonan jika dokumen yang disertakan tidak lengkap seperti tidak melampirkan Perintah Pengisytiharan keluar agama Islam. Inilah yang sebenarnya berlaku di dalam kes *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors*³² di mana beliau gagal untuk membuktikan bahawa beliau telah mendapatkan perintah mahkamah.

Di dalam kes ini, perayu telah memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk menukar namanya pertama kali kepada Lina Lelani dan kemudiannya kepada Lina Joy atas dasar pertukaran agama. Pertukaran namanya telah dibenarkan, tetapi perkataan 'Islam' masih tertera pada Kad Pengenalan beliau. Beliau telah mengemukakan bukti berkenaan pertukaran agamanya dan memohon JPN untuk memadamkan perkataan 'Islam' pada Kad Pengenalan tersebut. Walaubagaimanapun JPN telah meminta perayu untuk mengemukakan sijil atau perintah daripada Mahkamah Syariah. Secara ringkasnya, prosedur permohonan penukaran status agama di Jabatan Pendaftaran Negara memerlukan pengesahan daripada pihak Mahkamah Syariah.

Pihak responden bergantung kepada perenggan (cc)(xiii)per 4 yang menyatakan Ketua Pengarah adalah berhak untuk meminta maklumat tambahan daripada seseorang yang memohon untuk pertukaran nama di bawah per 14. Oleh itu tiada apa-apa yang menyalahi undang-undang bagi tindakan Ketua Pengarah untuk meminta perayu mengemukakan sijil daripada Mahkamah Syariah.

Walaubagaimanapun, peguamcara bagi perayu menghujahkan bahawa per 4 (cc)(xiii) hanya membenarkan Ketua Pengarah untuk meminta maklumat berkenaan dengan butir-butir yang telah dikemukakan oleh perayu. Oleh itu, Ketua Pengarah berhak meminta perayu untuk mengemukakan sijil pembaptisan untuk menunjukkan beliau adalah sebenarnya seorang yang beragama kristian. Peguamcara bagi perayu menegaskan bahawa permintaan bagi perintah daripada Mahkamah Syariah adalah tidak sah di bawah per 4(cc)(xiii).

Gopal Sri Ram HMR telah menyokong perayu dengan menyatakan bahawa perisytiharan daripada Mahkamah Syariah adalah tidak relevan dan menyebabkan keputusan Ketua

³² [2005] 6 MLJ 193

Pengarah untuk menolak permintaan perayu menukar agamanya pada Kad Pengenalannya adalah tidak sah, terbatal dan tidak mempunyai kesan. Keputusan Mahkamah walaubagaimanapun tidak memihak kepada perayu. Keputusan majoriti hakim telah membenarkan tindakan Ketua Pengarah dengan menyatakan bahawa pertukaran agama merupakan persoalan undang-undang Islam yang bukan di bawah bidangkuasa JPN . Ini tidak membolehkan Ketua Pengarah dengan sendirinya membuat keputusan untuk menukarkan agama perayu kepada bukan Islam.

Sungguhpun isu kebebasan beragama di dalam artikel 11 Perlembagaan Persekutuan telah dihuraikan sewajarnya dengan memihak kepada kepentingan agama Islam di dalam mahkamah tinggi, adalah menjadi kerisauan sekiranya isu teknikal diperingkat mahkamah rayuan ini diberi pandangan berbeza di mahkamah persekutuan kelak.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan berbincangan di atas ianya menunjukkan terdapat beberapa kelemahan peruntukan undang-undang dan ketidakseragaman prosedur. Ini dapat dirumuskan seperti berikut:-

- a) Kesalahan Keluar Agama Islam dan hukuman.

Sememangnya hukuman murtad berdasarkan hudud tidak dilaksanakan di Malaysia. Oleh itu penggunaan kesalahan keluar agama Islam digunakan kepada sesiapa yang menukar agamanya. Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan keluar agama Islam adalah dalam bentuk perintah untuk menjalani pemulihan akidah dan kaunseling. Namun begitu, didapati dari aspek penguatkuasaan seperti menghantar ke pusat pemulihan akidah masih terdapatnya masalah. Setakat ini hanya ada satu pusat pemulihan akidah yang beroperasi sepenuhnya iaitu di Ulu Yam, Selangor manakala terdapat satu pusat yang sepatutnya beroperasi tetapi belum diwartakan iaitu di Jelevu Negeri Sembilan.

Dicadangkan penambahan pusat pemulihan akidah di setiap negeri dan modul pelaksanaan pemulihan digubal oleh wakil dari semua pusat pemulihan akidah ini. Selain itu ianya perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Lebih utama lagi adalah ianya akan menjadi amat baik jika terdapat strategi pencegahan pencemaran akidah seperti penubuhan jabatan atau unit untuk maksud sedemikian. Misalnya, Selangor dan Negeri Sembilan telah membuka langkah pro-aktif dengan menubuhkan satu Unit Pencegahan Penyelewengan Akidah dengan bermatlamatkan untuk memelihara dan mempertahankan akidah umat Islam. Penulis juga

melihat kepada keperluan pentafsiran atau pentakrifan keluar agama Islam berdasarkan keadaan semasa dan masyarakat Malaysia dibuat oleh pihak berotoriti seperti Mufti, Jawatankuasa Fatwa Negeri atau Majlis Fatwa Kebangsaan. Ini akan membantu pihak mahkamah untuk memutuskan sesuatu perkara berkaitan dengan kesalahan keluar agama Islam ini.

b) Prosedur Permohonan Pengisytiharan Status Agama.

Sekali lagi, istilah permohonan murtad tidak digunakan. Ini adalah kerana mahkamah syariah tidak mengisytiharkan seseorang itu murtad tetapi membuat perintah status agama seseorang. Mahkamah syariah memerlukan pandangan dari jabatan mufti untuk menentukan status agama seseorang. Oleh itu, kerjasama dua badan ini amat perlu bagi memastikan isu keluar agama Islam ini dapat diselesaikan dengan baik.

Dari aspek prosedur permohonan keluar agama ianya melibatkan dua institusi iaitu Mahkamah Syariah dan Jabatan Pendaftaran Negara dan terdapat ketidakseragaman prosedur di antara negeri. Penulis berpandangan bahawa kes seumpama ini patut dimulakan dengan permohonan disokong oleh affidavit seperti mana yang diamalkan di Negeri Sembilan. Dicadangkan agar peruntukan prosedur ini diseragamkan di setiap negeri dan diwartakan di negeri yang belum mempunyai prosedur berkenaan.

Undang-undang dan prosedur berkaitan kesalahan dan permohonan keluar agama Islam yang tidak konsisten di negara ini menggambarkan betapa kompleksnya isu ini untuk mencapai keseragaman. Impak yang diberikan oleh artikel 11 Perlembagaan Persekutuan adalah cukup kuat sekali terutamanya dalam mempertikaikan bahawa seseorang Muslim bebas memilih untuk keluar daripada agamanya, suatu hak yang secara literalnya diberi oleh perlembagaan dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Sungguhpun keputusan di dalam kebanyakan mahkamah sivil menegaskan dengan jelasnya bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidangkuasa menentukan perkara mengenai keluar agama, masih terdapat cubaan-cubaan yang ingin menduga bidangkuasa tersebut dari segenap aspek mungkin. Walaupun Mahkamah Rayuan di dalam kes Lina Joy telah memberikan nafas lega kepada umat Islam dengan memberikan kemenangan kepada kedudukan maruah agama Islam di negara ini, perlulah diingat bahawa kemenangan tersebut adalah hasil daripada beberapa siri perbicaraan yang sengit. Dunia perundangan negara kini sedang menantikan pula natijahnya terhadap kedudukan isu ini sekiranya kes ini dibawa dan diputuskan oleh mahkamah yang lebih tinggi, sekaligus mengingatkan kerapuhan dan kegentingan situasi yang sedia ada.

Sememangnya isu pencemaran akidah di Malaysia hendaklah diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak. Ini termasuk penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada dan langkah-langkah pencegahan yang sepatutnya dilaksanakan. Sesungguhnya setiap individu muslim dan institusi-institusi Islam mempunyai tanggungjawab untuk menjaga akidah umat Islam.

RUJUKAN

Ali Abdul Hamid Bultaji. (1991). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Imam Ahmad*. Beirut.

Bustani. (1987). *Muhit al-Muhit*. Maktabat Lubnan. Beirut.

Mohamed Azam Mohamed Adil. (2005). *Kebebasan Beragama dan Hukuman ke atas orang Murtad di Malaysia*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Mohamad Hashim Kamali. (1997). *Freedom of Expression in Islam*. Cambridge: Islamic Text Society.

Sayid Sabiq. (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Dar al-Fikr: Beirut.

Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. (1998). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran* (Terjemahan). Dar-al-Fikr: Kuala Lumpur.

Tarmizi Abdul Halim. 23 Januari 2006. *Nyonya Tahir bukan Islam: Mahkamah Syariah benarkan si mati disemadi cara Budha*. Utusan Malaysia.

t.n. (31 Ogos 2006). *Mahkamah Ketepi Permohonan Keluar Islam*. Utusan Malaysia.

Akta/ Enakmen

Perlembagaan Persekutuan

Akta Bidang kuasa Mahkamah Syariah (Jenayah) Pindaan 1984.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 1993

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 1991.

Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Kes

Dalip Kaur v Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam dan Majlis Agama Islam Kedah [1992]1 MLJ 1

Kamariah bte Ali dan satu lagi lwn Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dan satu lagi[2006] 5 MLJ 470

Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors (2005) 6 MLJ 193

Lim Chan Seng v Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & Anor [1996] 3 CLJ 231

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan v Hun Mun Meng [1992] 2 MLJ 676.

Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah Dato Talib [1992] 2 MLJ 793.